

Tambang MRT1 bermula RM1

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Tambang perkhidmatan Transit Aliran Massa Sungai Buloh - Kajang (MRT1) yang beroperasi 16 Disember depan, bermula pada kadar RM1 untuk perjalanan satu hentian bagi mod tanpa tunai.

Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail, Datuk Ir. Zohari Sulaiman berkata, tambang paling rendah untuk perjalanan satu hentian mengikut struktur tambang tunai pula adalah RM1.10, antara stesen Pasar Seni dan Merdeka.

Menurutnya, tambang maksimum pula adalah RM6.40 (tunai) dan RM5.50 (tanpa tunai) meliputi perjalanan penuh antara Sungai Buloh ke Kajang.

“Struktur tambang diluluskan kerajaan dengan kadar menurun untuk setiap empat hingga lima kilometer perjalanan iaitu sama seperti struktur tambang per-



Diskaun 50 peratus tambang tunai diberikan kepada warga emas, pelajar dan golongan orang kurang upaya yang menggunakan perkhidmatan MRT dan bas pengantara MRT.”

ZOHARI SULAIMAN
Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Rail

khidmatan LRT dan monorel.

“Diskaun 50 peratus tambang tunai diberikan kepada warga emas, pelajar dan golongan

orang kurang upaya yang menggunakan perkhidmatan MRT dan bas pengantara MRT,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Zohari, pengguna MRT akan menggunakan token tunai ataupun kad Touch ‘n Go sahaja memandangkan fasa pertama beroperasi secara sendiri-rihan.

Bagaimanapun jelasnya, kad MyRapid yang digunakan untuk perkhidmatan LRT, monorel dan bas Rapid KL, akan dinaik taraf sebelum pembukaan Fasa 2 pada Julai depan.

“Sebanyak 120 bas pengantara MRT akan beroperasi untuk memberi perkhidmatan kepada 26 laluan di kesemua 12 stesen MRT yang bakal dibuka dengan tambang nominal RM1 untuk satu perjalanan,” katanya lagi.